

KECERDASAN SPIRITUAL DAN KESIHATAN MENTAL REMAJA

Suhaya Deraman

suhaya@unimel.edu.my
Fakulti Sains Sosial (FSS), Universiti Melaka (Unimel)

Noraini Abdol Raop, Siti Aishah Yahya & Siti Nazurulaina Hj. Aripin

Fakulti Sains Sosial (FSS), Universiti Melaka (Unimel)

Article History:

Received: 24 October 2022

Accepted: 28 December 2022

Published: 29 December 2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis kecerdasan spiritual dan hubungannya dengan kesihatan mental dalam kalangan remaja di Kuala Sungai Baru, Melaka. Statistik kajian-kajian lepas menunjukkan tahap kesihatan mental dalam kalangan penduduk Malaysia semakin membimbangkan. Masalah kesihatan mental ini dijangkakan akan menjadi pembunuh nombor dua di Malaysia selepas penyakit jantung. Aspek kecerdasan spiritual dijangkakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesihatan mental kerana banyak permasalahan dalam kehidupan hari ini dikenalpasti berpunca daripada masalah spiritual yang tidak diurus dengan baik yang menyebabkan kesihatan mental terjejas. Selain itu, perbezaan kesihatan mental berdasarkan pendapatan ibu bapa, jantina, pendidikan ibu bapa dan tingkatan juga diukur dalam kajian ini. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi ini menggunakan soal selidik *General Health Questionnaire* dan *Spiritual Intelligence Assessment Scale* bagi tujuan mengkaji pembolehubah kajian. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* menggunakan analisis Korelasi, ANOVA Sehala dan Ujian *t*. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kesihatan mental ($r_{(227)} = .310$, $k < .01$). Walau bagaimanapun, keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan pendapatan ibubapa ($F_{(33, 193)} = 1.110$, $k > .05$), tidak terdapat perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan jantina ($t_{(225)} = -1.763$, $k > .05$), tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan pendidikan ibubapa ($F_{(22, 204)} = 1.019$, $k > .05$) dan tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan tingkatan ($F_{(22, 204)} = 1.050$, $k > .05$). Data kajian yang diperolehi ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada pihak sekolah, para kaunselor, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan bagi merancang teknik dan intervensi yang sesuai dengan memberi penekanan kepada aspek kecerdasan spiritual bagi mendepani isu kesihatan mental remaja.

Kata Kunci : Kecerdasan Spiritual, Kesihatan Mental, Remaja.

SPIRITUAL INTELLIGENCE AND MENTAL HEALTH AMONG TEENAGERS

ABSTRACT

This study aims to analyze spiritual intelligence and its relationship with mental health among teenagers in Kuala Sungai Baru, Melaka. Statistics from past studies show that the level of mental health among the Malaysian population is becoming increasingly worrying. This mental health problem is expected to be the number two killer in Malaysia after heart disease. The aspect of spiritual intelligence is expected to have a significant relationship with mental health because many problems in today's life are identified as stemming from spiritual problems that are not well managed, which causes mental health to be affected. In addition, differences in mental health based on parental income, gender, parental education, and level were also measured in this study. This descriptive and inferential quantitative study uses the General Health Questionnaire and the Spiritual Intelligence Assessment Scale for the purpose of examining the study variables. Research data was analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software using Correlation analysis, One-way ANOVA and t-test. The results of the study show that spiritual intelligence has a positive and significant relationship with mental health ($r_{(227)} = .310, k < .01$). However, the results of the study show that there is no difference in spiritual intelligence based on parents' income ($F_{(33, 193)} = 1.110, k > .05$), there is no difference in spiritual intelligence based on gender ($t_{(225)} = -1.763, k > .05$) there was no difference in mental health based on parental education ($F_{(22, 204)} = 1.019, k > .05$) and there was no difference in mental health based on level ($F_{(22, 204)} = 1.050, k > .05$). The data obtained from this study is expected to provide insight to schools, counselors, parents, and stakeholders to plan appropriate techniques and interventions by emphasizing the aspect of spiritual intelligence to deal with adolescent mental health issues.

Keywords: *Spiritual Intelligence, Mental Health, Teenagers.*

PENGENALAN

Spiritual telah dianggap sebagai salah satu dimensi kesihatan seperti yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mendefinisikan kesihatan spiritual sebagai satu bentuk kesihatan (Esfahani M., 2010). Menurut Andang Andaiyani & Abdul Said Ambotang (2020) WHO telah menghubungkan antara dimensi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Dimensi spiritual ini mempunyai hubungan dengan kesihatan seseorang individu sebagaimana dinyatakan dalam *International Classification of Diseases-10*. Keadaan ini perlu diambil kira dalam kehidupan manusia secara holistik (World Health Organization, 2009). Menurut Abbasi et al. (2012) kecerdasan spiritual merujuk kepada keseronokan dalam menerima takdir, emosi positif, etika dan hubungan dengan tuhan yang dinamik dan harmoni. Ini dipersetujui oleh Rahimi (2015) yang menjelaskan bahawa kesihatan spiritual adalah dimensi asas dalam kesihatan dan kesejahteraan.

Dasar Kesihatan Mental (2012) mentakrifkan kesihatan mental merujuk kepada kemampuan individu, kelompok dan persekitaran untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi mempromosikan kesejahteraan subjektif secara optimum dan penggunaan keupayaan kognitif, afektif dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan. Antara visi dasar kesihatan mental ini adalah untuk melahirkan masyarakat yang seimbang dan sihat dari aspek psikologi. Kesihatan mental boleh mempengaruhi cara berfikir, tingkahlaku dan perasaan seseorang. Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2021) menyatakan tahap kesejahteraan mental juga mempengaruhi cara seseorang itu membuat keputusan dan pilihan dalam hidup, menyelesaikan masalah serta berinteraksi dengan orang lain. Apabila seseorang mempunyai tahap kesihatan mental yang memuaskan, tekanan hidup seharian yang dilalui akan ditangani dengan berfikir secara positif, tenang dan tidak membahayakan diri.

Isu kecerdasan spiritual dan kesihatan mental merupakan antara isu yang diberi perhatian kerana banyak kajian terdahulu menjelaskan bahawa kesihatan mental memberi impak besar kepada kesejahteraan hidup individu. Kenyataan ini dibuktikan oleh dapatan kajian Norazwa Yeop Kamarudin (2013) mengenai pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual ke atas salah laku remaja sekolah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku remaja. Manakala dapatan kajian Shamzaeffa Samsudin & Kevin Tan Chee Hong (2016) mendapati tahap kesihatan mental adalah faktor penting dalam mempengaruhi prestasi seseorang pelajar. Kajian oleh Intan Nurhaila Meor Safari et al. (2011) berkaitan tahap pengetahuan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam mengenai kesihatan mental mendapati tahap pengetahuan mengenai kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA adalah rendah dan hubungan antara faktor sosiodemografi dengan tahap pengetahuan mengenai kesihatan mental adalah tidak signifikan.

Kajian Che Su Mustaffa et al. (2010) mengenai antededan kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan kecerdasan emosi spiritual (ESQ) dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh dan Institusi Pengajian Tinggi menunjukkan responden dalam kajian menitikberatkan masa depan mereka, mengasihi diri sendiri serta menyayangi orang lain. Hasil kajian juga menunjukkan bahasa komunikasi keluarga dan komunikasi institusi berperanan selaku antededan kepada ESQ.

Roslee Ahamad et al. (2005) pula dalam kajian berkaitan kesihatan rakyat Malaysia mendapati timbulnya pelbagai isu moral seperti gejala sosial, perkahwinan luar tabi', penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, rogol dan sebagainya merupakan manifestasi manusia terhadap nilai-nilai saintifik dan pengabaian mereka terhadap nilai-nilai keinsanan kemanusiaan sebagaimana yang dipersetujui oleh Mohd Yusof dalam Abdul Razak Ahmad (2005). Ini berlaku kerana cara hidup, desakan naluri dan faktor-faktor kecelaruan emosi yang berlaku dalam kalangan generasi muda mudi, mahupun golongan dewasa sehingga mengakibatkan kesihatan mental terganggu. Lantaran itu, pendekatan kaunseling bagi menangani isu kesihatan mental berdasarkan penerapan nilai-nilai Islam wajar dikaji.

Kajian Mahadir Ahmad et al. (2004) berkaitan reaksi tekanan terhadap kesihatan mental juvana mendapati punca tekanan seperti kekecewaan, reaksi emosi, pembawaan semula jadi menjadi peramal yang signifikan kepada kemurungan juvana di mana punca tekanan mempunyai korelasi positif yang sederhana dengan reaksi emosi dan mempunyai korelasi positif yang rendah dengan pembawaan semula jadi. Ini menunjukkan punca tekanan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi reaksi terhadap tekanan.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kesihatan mental merupakan isu penting yang harus diambil peduli oleh pelbagai pihak. Kecerdasan spiritual merupakan pembolehubah yang dijangkakan mempunyai hubungan dan mempengaruhi daya tindak dalam usaha mendepani isu ini. Justeru, hasil kajian ini diharapkan akan membantu pihak sekolah, para kaunselor, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan untuk menggunakan pendekatan dan intervensi bersesuaian bagi memastikan kesihatan mental remaja berada dalam keadaan baik dan kesejahteraan hidup terjamin.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah kesihatan mental semakin membimbangkan di Malaysia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa separuh daripada hampir semua jenis penyakit mental bermula pada usia seawal 14 tahun kerana kebanyakannya tidak dapat dikesan dan mendapat rawatan pada peringkat awal (Berita Harian, 2018). Statistik penyakit mental bagi golongan dewasa meningkat daripada 10.7 peratus pada tahun 1996 kepada 12 peratus pada tahun 2011. Bagi kanak-kanak dan remaja berumur 15 tahun dan ke bawah pula, peningkatannya semakin besar di mana ia mencapai 20 peratus pada tahun 2011 berbanding 13 peratus pada tahun 1996. Pada tahun 2015 pula, hasil menunjukkan bahawa sebanyak 4.2 juta rakyat Malaysia dalam lingkungan usia 16 tahun ke atas atau 29.2 peratus populasi negara, didapati mengalami pelbagai masalah mental. Keadaan ini jelas menunjukkan peningkatan kadar masalah kesihatan mental sebanyak 11.2 peratus berbanding 2006.

Menerusi Laporan Tinjauan Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan (*Institute for Public Health*) pada tahun 2016 telah mendapati bahawa jumlah golongan remaja yang berumur dalam lingkungan 10 hingga 18 tahun yang mengalami masalah kemurungan adalah sebanyak 16.5 peratus. Berdasarkan hasil laporan ini juga, remaja perempuan didapati mengalami masalah kemurungan yang lebih tinggi (18.5%) berbanding dengan remaja lelaki (13.4%). Bagi golongan dewasa pula, statistik kemurungan menunjukkan bahawa golongan perempuan lebih mendominasi iaitu sebanyak 5.6 peratus berbanding dengan golongan lelaki (2.7 %).

Statistik oleh Institut Kesehatan Umum dan Kementerian Kesehatan Malaysia pada tahun 2017 pula mendapati bahawa sebanyak 4.2 juta (29.2%) rakyat Malaysia telah mengalami masalah kesehatan mental. Hasil turut menyatakan bahawa bagi individu yang berumur 16 tahun dan ke atas didapati mengalami peningkatan dalam peratusan masalah kesehatan mental iaitu sebanyak 29.2 peratus. Negeri tertinggi mencatat peratusan penduduk paling ramai mengalami masalah kesehatan mental adalah Sabah (42.9%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berada di tempat kedua (39.8%). Negeri Kelantan pula telah mencatat tempat ketiga tertinggi mengalami masalah ini iaitu sebanyak 39.1 peratus. Negeri terendah yang mengalami masalah yang dikaji ini ialah Putrajaya (20.7%), Pulau Pinang (19.1%) dan Perak (17%). Bagi peratusan jantina pula, wanita masih lagi mencatat peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 30.8 peratus berbanding lelaki (27.6 %) dalam masalah kesehatan mental. Peratusan keseluruhan penduduk Malaysia ini menunjukkan masalah kesehatan mental ini berada pada tahap yang semakin serius dan membimbangkan. Oleh yang demikian, kajian kesehatan mental ini perlu diperluaskan agar tidak menjadi barah dalam kalangan penduduk Malaysia kelak khususnya golongan remaja yang bakal menerajui negara suatu hari nanti.

HIPOTESIS KAJIAN

- H1 Terdapat hubungan antara kecerdasan spiritual dengan kesehatan mental dalam kalangan remaja.
- H2 Terdapat perbezaan antara kecerdasan spiritual berdasarkan pendapatan ibubapa.
- H3 Terdapat perbezaan antara kecerdasan spiritual berdasarkan jantina.
- H4 Terdapat perbezaan antara kesehatan mental berdasarkan pendidikan ibubapa.
- H5 Terdapat perbezaan antara kesehatan mental berdasarkan tingkatan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi menggunakan set soal selidik *Spiritual Quotion* dan *Mental Health Inventory*. Sampel kajian terdiri daripada 227 orang pelajar-pelajar Sekolah Menengah di sekitar Kuala Sungai Baru, Melaka yang mewakili populasi remaja di Kuala Sungai Baru. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* menggunakan analisis Korelasi, ANOVA Sehalu dan Ujian *t*.

KEPUTUSAN KAJIAN

- H1: Terdapat hubungan antara kecerdasan spiritual dengan kesehatan mental dalam kalangan remaja.**

Jadual 1: Keputusan Korelasi *Pearson* antara Kecerdasan Spiritual dengan Kesehatan Mental

PEMBOLEHUBAH	KESIHATAN MENTAL	SIG.
Kecerdasan Spiritual	.310**	.000

k < .01

Keputusan analisis korelasi menunjukkan bahawa nilai korelasi adalah .310 ($r = .310$) dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras signifikan .01. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil dari aras signifikan ($k < .01$). Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kesihatan mental ($r_{(227)} = .310$, $k < .01$). Maka, hipotesis pertama ini adalah diterima (H_1 diterima).

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa apabila seseorang individu memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi, maka tahap kesihatan mentalnya juga akan berada dalam keadaan yang baik. Begitu juga sebaliknya iaitu apabila seseorang individu itu mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang rendah, secara tidak langsung akan menyebabkan kesihatan mentalnya juga turut menurun.

Dapatan kajian ini didapati selari dengan hasil kajian Ghada Saad Suliman Altalha (2020) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara kesihatan mental dan kecerdasan spiritual dalam kalangan pelajar universiti. Kajian A. Ghaleei et al. (2016) turut membuktikan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai hubungan signifikan dengan kesihatan mental dalam kalangan jururawat hospital.

Mengulas berkaitan konsep kecerdasan spiritual menurut pandangan Suriani Sudi et al. (2016) menyatakan bahawa Islam dan Barat bersetuju bahawa individu yang memiliki kecerdasan yang tinggi merupakan individu yang berfikiran positif, mempunyai visi, berani mengambil risiko dan tidak mudah berputus asa. Jika disesuaikan dengan dapatan kajian ini bermakna remaja yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi akan mampu menghadapi isu-isu dalam kehidupan dengan berani dan dalam masa yang sama dapat menjaga kesihatan mental dengan baik.

H2: Terdapat perbezaan antara kecerdasan spiritual berdasarkan pendapatan Ibubapa.

Jadual 2: Keputusan ANOVA Sehala bagi Kecerdasan Spiritual berdasarkan Pendapatan Ibubapa

KECERDASAN SPIRITUAL	JDK	dk	MKD	F	SIG.
Antara Kumpulan	9.351	33	.283		
Dalam Kumpulan	49.274	193	.255	1.110	.323

ANOVA Sehala telah digunakan untuk melihat keputusan perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan pendapatan ibubapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 1.110 dengan nilai signifikannya .323. Nilai ini didapati lebih besar dari aras signifikan ($k > .05$). Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan pendapatan ibubapa ($F_{(33, 193)} = 1.110$, $k > .05$). Maka, hipotesis kedua ini adalah ditolak (H_2 ditolak).

Berdasarkan dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa taraf sosioekonomi keluarga tidak memberi pengaruh atau kesan tertentu terhadap kecerdasan spiritual remaja. Menurut laman sesawang SehatQ yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Indonesia, kecerdasan spiritual perlu dibangunkan atau dilatih oleh setiap individu. Individu perlu mempunyai kesedaran bahawa kehidupan sebagai manusia adalah seperti roda iaitu akan berhadapan dengan pelbagai dugaan sama ada gembira, sedih, marah mahupun keliru (Rieke Saraswati, 2020).

Malah, individu juga perlu mempunyai kesedaran bahawa segala dugaan tersebut diberikan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa sebagai proses pembentukan diri menjadi lebih baik di masa hadapan (Suriani & Rosni, 2015). Keadaan ini menunjukkan bahawa, individu yang tidak mempunyai kesedaran tersebut lebih terdedah kepada masalah kecerdasan spiritual. Hal ini menunjukkan bahawa, taraf sosioekonomi keluarga tidak mempunyai kaitan dengan kecerdasan spiritual.

H3: Terdapat perbezaan antara kecerdasan spiritual berdasarkan jantina.

Jadual 3: Keputusan Ujian *t* bagi Kecerdasan Spiritual berdasarkan Jantina

KECERDASAN SPIRITUAL	N	MIN	SISIHAN PIAWAI	<i>t</i>	df	SIG.
Lelaki	133	30.81	7.125	-1.763	225	.079
Perempuan	94	32.54	7.509			

Bagi menentukan keputusan perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan jantina, analisis statistik Ujian *t* telah digunakan. Berdasarkan jadual, nilai min dan sisihan piawai bagi lelaki ialah 30.81 (SP = 7.125) serta nilai min dan sisihan piawai bagi perempuan pula ialah 32.54 (SP = 7.509). Nilai ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Manakala, keputusan nilai *t* pula ialah -1.763 dengan nilai signifikannya .079. Nilai ini didapati lebih besar dari aras signifikan ($k > .05$). Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kecerdasan spiritual berdasarkan jantina ($t_{(225)} = -1.763$, $k > .05$). Maka, hipotesis ketiga ini adalah ditolak (H_3 ditolak).

Seperti mana taraf sosioekonomi keluarga, jantina juga dilihat tidak memberi kesan kepada kecerdasan spiritual. Tidak kira lelaki mahupun perempuan, kedua-dua jantina ini berpeluang yang sama untuk memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi atau rendah. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Che Su Mustaffa et al. (2010) yang mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di Institusi Pengajian Tinggi dari segi tahap kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan kecerdasan emosi spiritual (ESQ).

H4: Terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan pendidikan ibubapa.

Jadual 4: Keputusan ANOVA Sehala bagi Kesihatan Mental berdasarkan Pendidikan Ibubapa

KESIHATAN MENTAL	JDK	dk	MKD	F	SIG.
Antara Kumpulan	44.188	22	2.009	1.019	.442
Dalam Kumpulan	402.076	204	1.971		

Seterusnya, bagi melihat keputusan perbezaan kesihatan mental berdasarkan pendidikan ibubapa, analisis statistik ANOVA Sehala telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai statistik *F* ialah 1.019 dengan nilai signifikannya .442. Nilai ini didapati lebih besar dari aras signifikan ($k > .05$). Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan pendidikan ibubapa ($F_{(22, 204)} = 1.019$, $k > .05$). Maka, hipotesis keempat ini adalah ditolak (H_4 ditolak).

Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan kesihatan mental remaja berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Ini bermakna taraf pendidikan ibubapa bukanlah penentu kepada kesihatan mental anak-anak remaja. Kesedaran ibu bapa berpendidikan dalam isu berkaitan kesihatan mental tidak menjamin kesihatan mental anak-anak berada dalam keadaan baik. Faktor penggunaan teknologi, rakan sebaya dan lain-lain misalnya memberi pengaruh besar kepada kesihatan mental remaja.

Hal ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang diperolehi dari kajian Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2021) berkaitan implikasi ketagihan media sosial terhadap kesihatan mental remaja semasa pandemik COVID-19 mendapati penggunaan media sosial menyumbang kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan, panik, takut, stress dan kebimbangan. Justeru, ibu bapa perlu memperkembangkan kemahiran keibubapaan yang bersesuaian dengan perkembangan anak remaja tidak kira apa jua latar belakang pendidikan ibu bapa. Ilmu keibubapaan perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan anak remaja supaya isu kesihatan mental dapat diurus dengan baik.

H5: Terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan tingkatan.

Jadual 5: Keputusan ANOVA Sehala bagi Kesihatan Mental berdasarkan Tingkatan

KESIHATAN MENTAL	JDK	dk	MKD	F	SIG.
Antara Kumpulan	55.788	22	2.536	1.050	.405
Dalam Kumpulan	492.600	204	2.415		

Bagi hipotesis yang terakhir, keputusan kajian menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 1.050 dengan nilai signifikannya .405. Nilai ini didapati lebih besar dari aras signifikan ($k > .05$). Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan tingkatan ($F_{(22, 204)} = 1.050$, $k > .05$). Maka, hipotesis kelima ini adalah ditolak (H_5 ditolak).

Hal ini menunjukkan bahawa, semua pelajar tidak kira berada di tingkatan berapa, terdedah kepada masalah kesihatan mental. Bukan itu sahaja, malah pelajar yang berada di sekolah rendah juga boleh mengalami masalah kecerdasan mental sekiranya mereka terdedah dengan faktor-faktor yang melibatkan kecerdasan mental sedari kecil lagi.

Kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian Rohana Hamzah et al. (2021) berkaitan kesihatan mental dan kecerdasan spiritual mahasiswa di Universiti yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesihatan mental responden berdasarkan tahun pengajian. Ini bermakna isu kesihatan mental membabitkan setiap peringkat umur, bukanlah hanya melibatkan umur tertentu sahaja.

PENUTUP

Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada pihak sekolah bagi mengetahui tahap kesihatan mental dalam diri pelajar mereka. Data kajian yang diperoleh diharapkan dapat memberi gambaran kepada pihak kaunselor untuk memperkasa teknik dan pendekatan yang sesuai terutamanya bagi mendekati pelajar dalam fasa remaja yang mengalami isu kesihatan mental. Seterusnya, pihak sekolah juga boleh mengadakan program yang berkaitan dengan penglibatan pelajar, ibu bapa dan masyarakat setempat bagi memupuk sikap prihatin mereka dan menguasai teknik mendekati remaja dalam mendepani isu berkaitan spiritual dan kesihatan mental ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dibawah Geran Penyelidikan Tanpa Dana dari Kolej Universiti Islam Melaka (GPTD/20/F1/06).

BIODATA

Suhaya Deraman (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Kluster Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka (Unimel).

Noraini Abdol Raop merupakan Pensyarah di Kluster Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka (Unimel). Email: noraini@unimel.edu.my

Siti Aishah Yahya (Ph.D) merupakan Pensyarah di Kluster Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka (Unimel). Email: sitiaishah@unimel.edu.my

Siti Nazurulaina Hj Aripin merupakan Pensyarah di Kluster Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka (Unimel). Email: nazurul@unimel.edu.my

RUJUKAN

- Abbasi, M., Azizi, F., Goshki, E. S., Rad, M. N., & Lakah, A. 2012. Conceptual and Operational Definition of Spiritual Health: A Psychological Study. *Journal of Medical Ethics*, 6, 11–44.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Faizal Kasmani & Nor Hamizah Ab Razak. 2021. Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesehatan Mental Remaja Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 18 (8): 66-81.
- A. Ghaleei, B. Mohajeran & M. Mahmoodzadeh. 2016. The Relationship among Spiritual Intelligence, Mental Health and Job Stress in Nurses in Imam Khomeini Hospital of Mahabad. *Scientific Journal of Hamadan Nursing & Midwifery Faculty*, 23, No. 4.
- Andang Andaiyani & Abdul Said Ambotang. 2020. Pengaruh Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Persekitaran Keluarga Terhadap Stress Akademik Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (5): 12-23.
- Che Su Mustaffa, Nuredayu Omar & Munif Zarrirudin Fikri Nordin. 2010. Antecedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Techno-Social*. Penerbit UTHM. 82-98.
- Esfahani M., 2010. Spiritual Health and Comments. *Medical Ethics Journal*, 14 (4) : 41-49.
- Ghada Saad Suliman Altalha. 2020. The Role of Spiritual Intelligence, Age, Gender, and Specialization in Predicting University Students' Mental Health. https://www.eimj.org/uplode/images/photo/The_Role_of_Spiritual_Intelligence.pdf
- Intan Nurhaila Meor Safari, Norlija Kassim, Nur Falihin Iskandar, Mohamad Haazik Mohamed & Mohd Yusof Hj. Abdullah. 2011. Tahap Pengetahuan Mengenai Kesehatan Mental dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA : Kajian Kes di UKM, Bangi. *Jurnal Personalita Pelajar* 14 : 37-44.
- Mahadir Ahmad, Normah Che Din & Fauziah Shaari. 2004. Reaksi Tekanan terhadap Kesehatan Mental Juvana. *Jurnal Sains Kesehatan Malaysia* 2 (2) : 53-62.
- Mohd Yusof Othman dalam Abdul Razak Ahmad. 2005. *Mahasiswa Abad 21*. Bangi, Selangor : Fakulti Pendidikan UKM dan Yayasan Istana Abdul Aziz.
- Norazwa binti Yeop Kamarudin. 2013. *Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual ke Atas Salah Laku Remaja Sekolah*. Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahimi, H. 2015. The Relationship between Religious Attitudes and Spiritual health with Life Satisfaction in Nursing Students of Kashan University of Medical Sciences. *Medical Ethics Journal*, 1(2), 9–18.
- Rieke Saraswati. 2020. Pentingnya Kecerdasan Spiritual untuk Hidup yang Lebih Bermakna. Retrieved from <https://www.sehatq.com/artikel/pentingnya-kecerdasan-spiritual-untuk-hidup-yang-lebih-bermakna>.
- Rohana Hamzah, Hafiz Salehan, Ahmad Muhaimin, Hadijah Ahmad, Mohd. Suhardi Mad Jusoh & Fatmawati Latada. 2021. Kesehatan Mental dan Kecerdasan Spiritual Mahasiswa di Universiti ; Satu Perbandingan Antara Tahun Pengajian dan Agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 10 (3) : 18-35.

- Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa & Jamaludin Ramli. 2005. Kesehatan Mental Rakyat Malaysia Masa Kini, Suatu Pendekatan Kaunseling Berdasarkan Nilai-Nilai Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Kaunseling Universiti Malaya. 28-29 November. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Shamzaeffa Samsudin & Kevin Tan Chee Hong. 2016. Hubungan Antara Tahap Kesehatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda : Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesehatan Malaysia* 14 (1) : 11-16.
- Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohamad Izzat Emir Ghazali. 2017. Persepsi Masyarakat terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual. *Islamiyyat : International Journal of Islamic Studies*. 39 (1), 57-65.
- Suriani Sudi & Rosni Wazir. 2015. Kecerdasan Spiritual: Kupasan Menurut Perspektif Hadis. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah & Syariah (IRSYAD2015): ms 1-13.
- World Health Organization. 2009. *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems*. Retrieved from [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=0byXrYpnFBoC&oi=fnd&pg=PR5&dq=world+Health+Organization.+\(2009\).+International+Statistical+Classification+of+Diseases+and+Related+Health+Problems.&ots=GUiIjsh30A&sig=8Uigedki709nUaQdWgZjwkHxYE#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=0byXrYpnFBoC&oi=fnd&pg=PR5&dq=world+Health+Organization.+(2009).+International+Statistical+Classification+of+Diseases+and+Related+Health+Problems.&ots=GUiIjsh30A&sig=8Uigedki709nUaQdWgZjwkHxYE#v=onepage&q&f=false)